

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

RPK 423 - Perancangan Riadah dan Pelancongan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Apakah yang difahamkan dengan rekreasi dan pelancongan? Sebutkan sektor-sektor yang menjadikan industri pelancongan.  
(25 markah)
2. Apakah yang dikatakan produk pelancongan? Buat analisis terhadap produk pelancongan di dua buah negeri di Malaysia dan bandingkan jenis produk yang ditawarkan bagi menarik pengunjung.  
(25 markah)
3. Dalam industri pelancongan sektor penginapan adalah penting. Senaraikan komponen-komponen dalam sektor penginapan di Malaysia. Sebutkan bagaimana sektor ini beroperasi dan perubahan yang berlaku dalam tahun 1980an.  
(25 markah)
4. Anda diarahkan untuk membuat satu cadangan bagi sebuah Syarikat multi-nasional yang besar yang mempunyai kepentingan urusniaga yang luas. Cadangan anda akan meneliti secara terperinci:
  - (a) Lokasi yang terbaik bagi pembangunan tempat penginapan pelancong di Malaysia.
  - (b) Jenis-jenis pembangunan yang perlu dimajukan.

Sila beri justifikasi ke atas sebab-sebab anda membuat keputusan.

(25 markah)

...2/-